

Dokumen Panduan Keselamatan untuk Wartawan dan CSO yang Bertugas ketika Pandemi COVID-19

Di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Malaysia, orang awam dibenarkan merentas negeri untuk tujuan kerja dan pelancongan domestik bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos. Wartawan bebas, organisasi media dan Pertubuhan Masyarakat Madani (CSO) akan kembali bertugas khususnya dalam laporan di lapangan, liputan dan penilaian media dalam tempoh ini. Bagi bersiap siaga untuk pergerakan rentas negeri serta interaksi bersama komuniti dalam beberapa bulan yang akan datang, perlu dipastikan yang wartawan dan CSO tidak menyumbang kepada penularan COVID-19 serta melindungi diri masing-masing ketika bertugas.

Berikut adalah garis panduan utama yang dibentangkan oleh pakar dan dirumuskan dari perbincangan yang bertempat ketika webinar bertarikh 9 Julai, bertajuk Keselamatan Fizikal dan Strategi Mitigasi Risiko untuk Keterlibatan Komuniti yang dianjurkan untuk menjawab pertanyaan di atas.

Dokumen panduan ringkas ini dibahagi kepada tiga bahagian:

1. Perancangan dan Persiapan: Memelihara Keselamatan Diri dan Orang Lain
2. Menjaga Diri Anda Ketika Bertugas
3. Menjaga Diri Anda Selepas Bertugas

I. Perancangan dan Persiapan: Memelihara Keselamatan Diri dan Orang Lain

Kita perlu bersedia untuk menghadapi sebarang situasi atau kesudahan, dan cara terbaik adalah dengan menilai risiko sebelum bertugas. Dengan menjawab soalan berikut, anda dapat menentukan tahap risiko yang mungkin dihadapi di lapangan, serta membantu anda mengambil keputusan untuk meneruskan tugas atau tidak.

1. Apakah cerita atau isu COVID-19 yang sedang anda siapkan? Adakah sebarang unsur sensitif?
2. Sejauh mana cerita ini penting dan cemas? Mengapa?
3. Lokasi mana di dalam Malaysia yang dituju? Adakah lokasi itu berisiko tinggi dari segi jangkitan dan bilangan kes? Terdapatkah perkhidmatan kesihatan yang mencukupi di sana?
4. Siapa yang akan anda temui dan wawancara? Adakah mereka golongan rentan jika terdedah kepada risiko jangkitan, contohnya warga emas? Wanita hamil? Komuniti Orang Asal? Adakah informan atau sumber mungkin diancam atau dibawah pengawasan?
5. Apakah tahap kesediaan anda untuk tugas ini, dari segi fizikal dan mental (tiada masalah kesihatan, kerap bersenam, patuh kepada protokol keselamatan kesihatan)?
6. Apakah kelengkapan keselamatan dan peralatan perlindungan diri yang perlu dibawa?

Apabila selesai menjalankan penilaian risiko, jangan lupa aspek keselamatan lain yang perlu dipertimbangkan:

- Gunakan kenderaan yang layak untuk berada di atas jalan raya.
- Jangan memandu ketika letih, mengantuk atau tidak sihat (pemandu upahan juga perlu mematuhi syarat ini).
- Simpan maklumat menghubungi perkhidmatan kecemasan seperti Palang Merah atau Bulan Sabit Merah, ambulans, badan sokongan media, bengkel membaiki atau menunda kereta.

Untuk elakkan daripada dijangkiti atau menjangkiti orang lain, anda dinasihatkan untuk mendapat tahu langkah keselamatan kesihatan di kawasan yang akan dilawati terlebih dahulu. Jangan teruskan jika anda tidak pasti tentang maklumat berkaitan.

Antara lokasi berisiko tinggi adalah:

- Hospital, fasiliti kesihatan, lokasi kuarantin atau isolasi.
- Rumah mayat, krematorium.
- Rumah jagaan warga emas (ingat, warga emas lebih berisiko dijangkit).
- Kediaman peribadi di mana mungkin ada penghuni yang demam atau hamil.
- Komuniti Orang Asal terutama sekali yang kurang, atau tiada langsung kontak dengan orang luar. Komuniti seperti ini selalunya lebih rentan dan berisiko menghadapi penyakit berjangkit, terutama mereka yang belum membentuk imuniti semulajadi.
- Kawasan setinggan di mana rumah dipadati penghuni dan penjarakan sosial mustahil diamalkan.
- Penjara atau pusat tahanan yang selalunya sesak.
- Patuhi protokol dan garis panduan keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa

II. Menjaga Diri Anda (Dan Orang Lain) Ketika Bertugas

Beberapa perkara utama untuk diingatkan apabila anda berada di lapangan untuk menulis laporan atau menilai projek:

- Sentiasa berhati-hati apabila melaporkan atau bertugas di kawasan luar bandar kerana penduduk mungkin takut atau tidak puas hati dengan orang luar yang mungkin membawa virus ke komuniti mereka. Pelajari cara berurusan dengan penduduk yang mungkin tidak suka melihat anda di sana. Hormati perasaan mereka dan cuba berurusan dengan pemimpin komuniti atau warga emas setempat (ahli komuniti yang dihormati). Jika penduduk berkeras untuk tidak menerima kehadiran anda, sila undur diri.
- Ambil tahu cara polis atau pihak berkuasa melaksanakan PKP. Peka kepada situasi semasa. Peka situasi bermaksud memiliki gambaran keadaan di sekeliling anda. Perhatikan tindak tanduk polis. Adakah mereka santai atau agresif?
 - Selagi boleh, kendalikan wawancara di kawasan terbuka. Jika perlu dilakukan

di kawasan tertutup, pilih lokasi dengan tingkap yang terbuka. Gunakan perakam dan mikrofon diikat pada kayu selfie bagi meningkatkan jarak antara anda dengan orang yang diwawancara, bila-bila diperlukan. Penduduk di kawasan bandar mungkin sudah terbiasa dengan amalan ini, tetapi di kawasan luar bandar anda mungkin perlu menerangkan kepada orang yang diwawancara bahawa langkah ini perlu diambil untuk keselamatan mereka juga, terutama sekali jika mereka tidak memakai pelitup muka. Jika anda mempunyai pelitup muka pakai buang berlebihan, berikan pelitup kepada mereka.

- Cuba elakkan daripada menggunakan wang tunai, dan selalu nyahjangkit dompet dan kad kredit anda.
- Pilih pakaian anda dengan cermat kerana ada bahan yang lebih senang dicuci berbanding yang lain. Ini perlu dipertimbangkan lebih-lebih lagi ketika di lapangan untuk masa yang lama. Saya selalunya membawa tiga pasang kemeja dan seluar buatan bahan Dri-Fit yang mudah dicuci dan dikeringkan.
- Jika anda memakai niqab, pastikan anda juga memakai pelitup muka di bawah kain niqab. Niqab cuma pelapik muka dan tidak melindungi si pemakai daripada kuman dan virus.
- Pelitup muka - jika anda menggunakan jenis pakai buang dan akan bertugas untuk lebih daripada satu hari, sila bawa beberapa set termasuk penapis. Sediakan beg Zip-lock untuk menyimpan pelitup terpakai agar tidak bercampur aduk dengan yang belum digunakan. Untuk pelitup pakai buang, simpan di dalam bekas atau beg plastik sementara, sebelum membuang ke dalam tong khas untuk sisa berbahaya.
- Elakkan menaiki pengangkutan awam terutama sekali pada waktu puncak, dan pastikan anda mensanitasi tangan dengan alkohol selepas turun daripada pengangkutan awam.
- Jika menggunakan kenderaan syarikat atau peribadi, pastikan rakan seperjalanan anda sudah disahkan sihat dan bebas virus, kurangkan penggunaan penghawa dingin dan cukup sekadar membuka tingkap, dan

jangan lupa memakai pelitup muka. Menurut pakar kesihatan, virus ini dapat melesap dengan lebih mudah di kawasan terbuka.

- Kerap berehat, keletihan akan menjadikan anda cuai dan melupakan protokol keselamatan.
- Sediakan pelan kontingensi (apa yang perlu dilakukan, siapa yang perlu dihubungi jika ada rencana yang tidak mengikut perancangan).

III. Menjaga Diri Anda (dan Keluarga) Selepas Bertugas

Beberapa peringatan penting selepas anda pulang dari tugas di lapangan:

- Sebelum memasuki rumah, tanggalkan dan nyahjangkit kasut, sanitasi tangan dengan pencuci alcohol yang diletakkan berhampiran pintu masuk, jangan pakai pakaian terpakai tetapi sebaliknya simpan di dalam peti pakaian yang berasingan, mandi sebelum berinteraksi dengan ahli keluarga.
- Perlukah anda mengasingkan diri setelah pulang daripada kawasan berisiko tinggi? Sebelum memulakan tugas, tanya kepada pihak berkuasa kesihatan tentang protokol kuarantin diri. Adakah di rumah anda ada ruang untuk melakukan ini dengan selamat? Jika tidak, adakah terdapat lokasi lain seperti fasiliti kuarantin kelolaan kerajaan atau NGO?
- Perhatikan situasi kesihatan anda dan patuhi kemaskini dan nasihat daripada agensi kerajaan yang berkenaan.
- Senaraikan semua nama, alamat tempat kerja atau kediaman, nombor telefon dan/atau alamat emel semua mereka yang diwawancara atau berinteraksi rapat, bagi tujuan pengesanan kontak.
- Jika anda menunjukkan simptom, hubungi pihak berwajib kesihatan segera serta pihak pengurusan organisasi berita anda.

Memelihara kesihatan psikologi anda juga sangat penting.

- Organisasi berita perlu mengamalkan kewajipan berjaga-jaga dengan memastikan kakitangan kerap diperiksa kesihatan psikologi dan diberi bimbingan dan bantuan apabila perlu.

- Anda perlu sering berbincang dengan keluarga tentang pekerjaan anda, kerana mereka mungkin sangat membimbangkan keselamatan anda dan risiko jangkitan sesama ahli keluarga disebabkan tugas anda.
- Nilai impak mungkin ke atas kesihatan mental anda apabila meliputi berita di lokasi COVID-19. Contohnya, anda boleh merujuk kepada sumber dalam talian seperti DART Center for Journalism and Trauma (Pusat Kewartawanan dan Trauma DART).

Pengajaran daripada Pengalaman Meliputi Pandemik di Filipina

1. Dari awal kami menyedari perlunya mekanisma respons pantas. Pada April, the Photojournalists Center of the Philippines (Pusat Wartawan Foto Filipina, PCP) mengumpulkan stok PPE sendiri, (pelitup, gogal, alkohol, tisu pencuci alkohol) untuk ahli dan juga bukan ahli. Bantuan ini disalurkan terutama sekali kepada petugas bebas, kerana wartawan dan wartawan foto daripada agensi berita yang besar memiliki bekalan PPE sendiri. PCP memperoleh bekalan daripada NGO dan Palang Merah Filipina.
2. Koordinasi dengan pihak berkuasa kesihatan amat penting kerana ini selalunya membawa kepada akses lebih baik dan selamat kepada sumber di dalam komuniti. Contohnya, Bandar Pasay di Metro Manila dan Palang Merah Filipina (PRC) menyediakan ujian berasaskan PCR dan pantas kepada wartawan, meliputi kawasan bandar untuk memastikan keselamatan penduduk ketika aktiviti mengumpul data.
3. Kesihatan psikologi sama penting dengan kesihatan fizikal. Tak salah berkata 'Tak' jika anda rasakan anda tidak boleh menerima tugas.

Sumber: Red Batario, Center for Community Journalism and Development (CCJD); Committee to Protect Journalists (CPJ); TipSheet oleh Joseph A. Davis; Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO); Rory Peck Trust, wartawan dan jurufoto Filipina ketika perbincangan tentang kewartawanan ketika pandemik COVID-19